

SOALAN MENGIKUT TOPIK TINGKATAN 4



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA SETAR

GABUNGAN GURU-GURU SAINS KOMPUTER

Modul EXPERT 3770/1 | SAINS KOMPUTER



Nama : _____

Sekolah : _____

KOLEKSI SOALAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI

Senarai Topik-Topik Sains Komputer

Tingkatan 4

Pengaturcaraan
Pangkalan Data
Interaksi Manusia Dan Komputer



TINGKATAN 4

BAB 1 : PENGATURCARAAN

- 1.1 Strategi Penyelesaian Masalah
- 1.2 Algoritma
- 1.3 Pembolehubah, Pemalar dan Jenis Data
- 1.4 Struktur Kawalan
- 1.5 Amalan Terbaik Pengaturcaraan
- 1.6 Struktur Data dan Modular
- 1.7 Pembangunan Aplikasi



SAINS KOMPUTER TINGKATAN 4
BAB 1 - PENGATURCARAAN
KOLEKSI SOALAN PERCUBAAN TAHUN 2019

BAHAGIAN A

1. Rajah 3 menunjukkan sebahagian kod atur cara.

```
public class kira {  
    public static void main (String [ ] args) {  
        int n=5;  
        while (n>0){  
            System.out.println(n + " ");  
            n=n-1;  
        }  
    }  
}
```

Rajah 3

Berdasarkan rajah 3, nyatakan output.

.....

[2 markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Kedah 2019.*

2. Rajah 5 menunjukkan sebahagian kod atur cara.

```
public class pelajar {  
    public static void main (String [ ] args) {  
        int umur;  
        umur = 20;  
        final int BIL_HARI_BULAN_JANUARI = 31;  
    }  
}
```

Rajah 5

Berdasarkan rajah 5:

a) Nyatakan :

i. Pembolehubah

.....

[1 markah]

ii. Pemalar

.....

[1 markah]

b) Nyatakan jenis data dan kapasiti ingatan komputer bagi jenis data tersebut.

.....

.....

[2 markah]

3. Berikut merupakan keratan atur cara untuk mengira jumlah 2 nombor

```
static void main jumlahNombor (int x, int y)
{
    int jumlahA;
    jumlahA = jumlahNombor (6, 12);
    jum_Nom (6, 12);
}

int jumlahNombor (int x, int y)
{
    int jumlah;
    jumlah = x + y;
    return jumlah;
}

static void jum_Nom (int x, int y)
{
    int jumlah;
    jumlah = x + y;
    System.out.print ("Jumlah ialah: " + jumlah);
}
```

i) Nyatakan sintaks panggilan untuk fungsi bagi atur cara di atas.

.....

[1 markah]

ii) Nyatakan hasil paparan bagi atur cara di atas.

.....

[1 markah]

iii) Nyatakan SATU perbezaan antara subatur cara jumlahNombor dan jum_Nom

Subatur cara	jumlahNombor	jum_Nom
Perbezaan		

[2 markah]

4. Rajah 8(a) menunjukkan atur cara mengira luas bulatan, manakala Rajah 8(b) menunjukkan paparan ralat bagi atur cara tersebut.

```
Public class LuasBulatan {  
  
    Public static void main(String[]args) {  
  
        int jejari = 5  
        double luasBulatan;  
        final double pi = 3.142;  
        luasBulatan = pi*jejari*jejari;  
        System.out.println ( "Luas bulatan ialah " + luasBulatan);  
    }  
  
}
```

Rajah 8(a)

```
Exception in thread "main" java.lang.Error: Unresolved compilation  
problems:  
    Syntax error, insert ";" to complete BlockStatements  
    luasbulatan cannot be resolved to a variable  
  
    at LuasBulatan.main(LuasBulatan.java:5)
```

Rajah 8(b) Paparan Ralat

- i) Apakah jenis ralat yang berlaku pada Rajah 8(b).

.....

[1 markah]

- ii) Nyatakan sebab berlakunya ralat pada Rajah 8(a).

.....

[1 markah]

5. Rajah 8(a) menunjukkan atur cara mengira luas bulatan, manakala Rajah 8(b)

```
Run :  
  
Nama      : Hisham  
Umur      : 25  
Ketinggian : 1.68 meter
```

Rajah 11

Nyatakan jenis data yang digunakan bagi melakukan pengisytiharan pemboleh ubah Ketinggian.

[1 markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Kedah 2019.*

6. Algoritma pada Rajah 1 mengandungi ralat kegagalan input dipamerkan dalam output.

Algoritma ini meminta input nama daripada pengguna untuk mempamerkan "SELAMAT DATANG" diikuti nama input sebagai output. Betulkan algoritma ini dalam ruangan yang disediakan

```
1.Mula  
2.INPUT NAMA  
3.PAPAR "SELAMAT DATANG"  
4.Tamat
```


Rajah 1

[1 markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Kelantan 2019.*

7. Rajah 13 dibawah menunjukkan satu carta alir struktur kawalan ulangan. Lengkapkan carta alir dibawah dengan menggunakan perkataan yang disediakan.

Syarat pembilang Benar?
Kemaskini nilai pembilang
Nilai awal pembilang



Rajah 13

[3 markah]

*Sumber: Soalan Percubaan Negeri Kelantan 2019.

8. Rajah 3 menunjukkan X diwakili oleh dua format

X	• Pseudokod • Carta Alir
---	---

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3, nyatakan

X:

[11 markah]

*Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sembilan 2019.

9. Rajah 5 menunjukkan segmen kod bahasa pengaturcaraan Java untuk gelung for.

```
class Kira {  
    public static void main(String[] args) {  
        int i;  
        for (i = 10; i >= 1; i -= 3)  
            System.out.print(i + ",");  
    }  
}
```

Rajah 5


Berdasarkan Rajah 5, nyatakan output yang terhasil.

.....

[1 markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sembilan 2019.*

10. Rajah 4 menunjukkan carta alir dan output yang dijangka.



Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4,

(a) nyatakan jenis ralat pada carta alir.

.....

[1 markah]

(b) baiki ralat pada carta alir tersebut.

.....

[1 markah]

(c) nyatakan struktur kawalan yang terdapat dalam carta alir tersebut.

.....

[1 markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sembilan 2019.*

11. Rajah 6 menunjukkan pseudokod untuk mengira harga tiket.

```
Mula
Masukkan bilangan_tiket
Setkan harga_tiket = 45.00
Kira jumlah_harga_tiket = bilangan_tiket / 0
Papar jumlah_harga_tiket
Tamat
```

Rajah 6

Setelah menukar pseudokod pada Rajah 6 kepada kod atur cara, terdapat ralat semasa proses uji lari dijalankan.

(a) Nyatakan jenis ralat yang wujud.

.....

[1 markah]

(b) Baiki ralat yang dinyatakan di (a). Tulis pernyataan yang betul.

.....

[1 markah]

(c) Nyatakan satu pembolehubah yang terdapat dalam pseudokod.

.....

[1 markah]


(d) Nyatakan pemalar yang terdapat dalam pseudokod.

.....

[1 markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sembilan 2019.*

12. Rajah 7 merupakan maklumat pembelian barang oleh seorang pelanggan.



Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7,

(a) nyatakan jenis data yang digunakan di

i. M:

ii. N:

[2 markah]

(b) mengapakah pemilihan jenis data yang betul dalam penulisan kod atur cara adalah penting?

.....
.....

[1 markah]

(c) tuliskan pengisytiharan M sebagai pemalar dalam bahasa pengaturcaraan Java.

.....

[1 markah]

13. Rajah 12 menunjukkan satu kod atur cara

```
public class A{
    public static void main(String[] args) {
        int markahBM = 70;
        int markahBI = 80;
        int markahSK = 80;

        kiraMarkah(markahBM, markahBI, markahSK);

    }

    public static void kiraMarkah(int w, int x, int y){
        double hasil = (w+y) / 2;
        System.out.println(hasil);
    }
}
```

Rajah 12

Berdasarkan Rajah 12,

(a) nyatakan jenis data bagi output yang akan diperolehi.

.....

[1 markah]

(b) tuliskan output tersebut.

.....

[1 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sembilan 2019.

14. Berikut adalah contoh pseudokod.

Mula
Input nama
Papar "SELAMAT DATANG"
Tamat

Semak pseudokod dengan teliti dan tulis semula pseudokod yang telah dibuat pembetulan.

[1 Markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Pahang 2019.

15. Pseudokod berikut adalah untuk mencetak teks "Saya suka Sains Komputer".

```
1. Mula
2. Pembilang = 0
3. SELAGI pembilang < 10 MULA_SELAGI
    OUTPUT "Saya suka Sains Komputer"
    Pembilang = pembilang + 1
    TAMAT_SELAGI
4. Tamat
```

Berapakah bilangan teks "Saya suka Sains Komputer" akan dicetak pada paparan output?

[1 Markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Pahang 2019

16. Rajah 1 menunjukkan sebahagian atur cara komputer

```
Public class Luas
{
    Public static void main (String [ ] arg)
    {
        Double panjang, lebar;
```

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1,

nyatakan :


(a) jenis data untuk pemboleh ubah yang digunakan

(b) kapasiti ingatan komputer bagi jenis data yang digunakan

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Pahang 2019

17. Rajah 8 merupakan bentuk struktur kawalan di dalam pengaturcaraan.



Rajah 8

Namakan struktur kawalan bagi:

X :

Y :

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Pahang 2019

18. Berikut adalah kod atur cara untuk memaparkan maklumat kokurikulum.

```
Public class koku {  
    Public static void main ( String[] args) {  
        .....  
        .....  
        .....  
        nama = "Lokman";  
        umur = 17;  
        kelab = "Persatuan Sains Komputer";  
        System.out.println (" Nama : " + nama );  
        System.out.println (" Umur : " + umur );  
        System.out.println (" Kelab/ persatuan : " + kelab );  
    }  
}
```

Tulis pengisytiharan bagi pemboleh ubah yang digunakan dalam atur cara.

.....

.....

.....

[3 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Pahang 2019

19. Berikut adalah kod aturcara untuk mengira hasil darab dua nombor.

```
Public class hasildarab {  
    Public static void main ( String[] args) {  
        int i = 20;  
        int j = 5;  
        int 2hasildarab;  
        2hasildarab = i * j;  
        System.out.println (" Hasi darab dua nombor : " + 2hasildarab );  
    }  
}
```

(a) Amalan terbaik pengaturcaraan yang **TIDAK** dipatuhi dalam atur cara tersebut

.....

.....

[1 markah]

(b) Berikan cadangan penambahbaikan.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Pahang 2019

20.

Berikut adalah merupakan segmen kod bagi satu atur cara

```
static double kiraDividen (float pokok, int kadar, int tahun){  
    dividen=pokok*(kadar/100)*tahun;  
    return dividen;  
}
```

Kenal pasti **jenis sub atur cara** di atas dan berikan **justifikasi** anda.

.....


.....

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perak 2019

21.

Rajah 3 merupakan carta alir struktur kawalan ulangan. Struktur kawalan ulangan ini berlaku apabila syarat diuji setelah memasuki gelung.



Rajah 3

Namakan jenis struktur kawalan ulangan tersebut.

.....

[1 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perak 2019

22.

Bryan adalah anak kepada pemilik Restoran Sabar Menunggu . Dia telah diarah oleh ayahnya untuk membina sistem untuk mengira jumlah keuntungan untuk setiap 4 minggu dan juga komisen yang akan diperoleh oleh setiap pekerja iaitu sebanyak 5% daripada hasil keuntungan tersebut. Rajah 4 merupakan pseudokod yang telah dibina.

1. MULA
2. INPUT untungM1, untungM2, untungM3, untungM4
3. KIRA komisen = $0.05 * (\text{untungM1} + \text{untungM2} + \text{untungM3} + \text{untungM4})$
4. PAPAR komisen
5. TAMAT

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, lakarkan paparan antaramuka bagi sistem tersebut.



[4 markah]

23.

Berikut adalah segmen aturcara untuk membuat pengiraan luas segitiga.

```
int Tapak = x ;
int Tinggi = 4 ;
double Luas ;
    Luas = (1.0/2) * Tapak * Tinggi ;
System.out.println (" Luas = " + Luas) ;
```

Apabila aturcara diujilari, pengkompil telah mengeluarkan ralat.

- (i) Kenal pasti pernyataan atur cara yang terdapat ralat.

[1 markah]

- (ii) Apakah jenis ralat dalam atur cara di atas?

[1 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perak 2019

24.

Nyatakan jenis ralat bagi situasi yang diberi.

Situasi	Jenis Ralat
(a) Pengatur cara menulis kod berikut bagi mengira luas sebuah bulatan: $luas_bulatan = 2 * 3.142 * jejari;$	
(b) Pengatur cara menulis kod berikut bagi meminta pengguna memasukkan nama mereka. $int\ nama = input.nextInt();$	

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perak 2019

25.

Rajah 6 merupakan invoice yang diterima oleh Aqilah Collections.

IDAMAN BERHAD		INVOIS	
Lot 114 Seksyen 14/2 46100 Petaling Jaya Tel.: 03-7595733			
Kepada Aqilah Collections Lot 8, Station 18, 31650 Ipoh Perak		No. Invois : 0888 Tarikh : 18 Ogos 2018	
Kuantiti	PERKARA	Harga Seunit RM	Jumlah RM
10 set	Set makan Rose	350.00	3500.00
10 set	Set makan Floral	300.00	3000.00
10 set	Set makan Alamanda	280.00	2800.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			9300.00
Jumlah			930.00
(Ringgit: Lapan ribu tiga ratus tujuh puluh sahaja)			8370.00
Syarat: 10% 5 hari, 5 % 10 hari Angkutan dibayar K. & K. Di K. <i>Aqilah</i> Penerima Harith Pengurus			

Rajah 6

Berdasarkan Rajah 6, tentukan dua jenis data dan pemboleh ubah yang terdapat di dalam invoice tersebut.


Bil	Pemboleh ubah	Jenis Data
1.		
2.		

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perak 2019

26. Rajah 1 menunjukkan carta alir yang tidak lengkap bagi menentukan nombor positif, nombor negatif dan nombor sifar.

Lengkapkan carta alir itu.



Rajah 1

(a)

(b)

(c)

[3 markah]

27. Berikut adalah segmen aturcara.

```
public class UjiGred {  
    public static void main(String args[]) {  
        char gred = 'C';  
  
        switch(gred) {  
            case 'A' :  
                System.out.println("Anda Cemerlang!");  
                break;  
            case 'B' :  
                System.out.println("Sangat Baik!");  
                break;  
            case 'C' :  
                System.out.println("Baik");  
                break;  
            case 'D' :  
                System.out.println("Anda Lulus");  
            case 'F' :  
                System.out.println("Cuba Lagi");  
                break;  
            default :  
                System.out.println("Gred Tidak Sah");  
        }  
        System.out.println("Gred anda ialah " + gred);  
    }  
}
```

Tuliskan paparan output apabila aturcara tersebut dilaksanakan.

[2 markah]

28. Rajah 2 menunjukkan jenis ralat dalam aturcara.



Rajah 2

Nyatakan:

(a) X :

(b) Y :

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perlis 2019

29. Rajah 2 menunjukkan jenis ralat dalam aturcara.

```

1 package tutorialArray1;
2
3 public class tutorialArray2 {
4     public static void main(String[] args) {
5         int value = 5;
6
7         int nomborKereta[];
8         nomborKereta = new int[3];
9         System.out.println(nomborKereta[0]);
10
11         nomborKereta[0] = 7645;
12         nomborKereta[1] = 3423;
13         nomborKereta[2] = 7633;
14
15         System.out.println(nomborKereta[0]);
16         System.out.println(nomborKereta[1]);
17         System.out.println(nomborKereta[2]);
18     }
19 }
20
21
  
```

(a) Tulis pengisytiharan tatasusunan tersebut.

.....


[1 markah]

(b) Nyatakan jenis data dan saiz tatasusunan yang digunakan.

.....[1 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perlis 2019

30. Rajah 3 menunjukkan segmen atur cara menggunakan subatur cara.



Rajah 3

Tuliskan **X** atau **Y** bagi:


- (a) Fungsi :
- (b) Prosedur :

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Perlis 2019

31.

Berikut merupakan carta alir bagi program ringkas untuk memaparkan "Hello" diikuti nama pengguna.



Apakah **X**?

X :

[1 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sarawak 2019

32.

Ruzaini memasukkan umur ke dalam aplikasi komputer. Uji sama ada umur sudah mencapai usia minimum 21 tahun.


- i. Kenal pasti pemboleh ubah.
.....
- ii. Tuliskan ungkapan logik untuk menguji nilai dalam pemboleh ubah.
.....

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sarawak 2019

33.

Apakah langkah Q dan P dalam langkah-langkah pengujian algoritma berdasarkan Rajah 3 yang berikut?



- i. Langkah Q :
- ii. Langkah P :

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sarawak 2019

34.

Tentukan output untuk kawalan ulangan yang berikut.


```
For (n = 2; n<=20; n+=3) {  
    System.out.println (n + " ");  
}
```

[1 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sarawak 2019

35.

Nyatakan A dan B dalam rajah di bawah.



A :

B :

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Sarawak 2019

36.

Jadual berikut menunjukkan ciri-ciri bagi dua jenis ralat yang berbeza.

Ciri-ciri Ralat	Jenis Ralat
• Kesalahan tata bahasa seperti salah ejaan dan tatatanda. • Penggunaan objek atau aksara yang tidak dikenali.	P
• Tidak dapat dikesan atau jarang dikesan oleh pengkompil. • Dikesan oleh pengaturcara melalui output yang dihasilkan.	Q

Nyatakan :

- (a) (i) P :
- (ii) Q :

[2 markah]

- (b) Beri satu contoh ralat samada dari P atau Q

.....

[2 markah]

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Terengganu 2019


BAHAGIAN B

1. Rajah 12, adalah pseudokod untuk memaparkan jadual sifir nombor input dari gandaan 1 hingga 12.

```
1. Mula
2. Input Y
3. setkan i =0
4. selagi i <=12
5.   kira hasil = i * Y
6.   papar i + " x " + Y + " = " + hasil
7.   kira i = i + 1
8. Tamat selagi
9. Tamat
```


Rajah 12

- (a) Jika nilai $Y = 4$, tuliskan output yang dihasilkan.



[4 Markah]

(b) Lukiskan carta alir Rajah 12.



[6 Markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Kedah 2019.*

2. Rajah 14 menunjukkan paparan output bagi program mengira jumlah bayaran suatu barang.

SISTEM PENGIRAAN HARGA

Harga satu barang ialah RM50.
Jumlah harga melebihi atau sama dengan RM100 boleh mendapat diskaun 10%.
Jumlah harga melebihi atau sama dengan RM250 boleh mendapat diskaun 20%.
Jumlah harga melebihi atau sama dengan RM500 boleh mendapat diskaun 35%.

Kuantiti :

PROSES KIRAAN


Kuantiti : 10
Harga asal : 500.00
Diskaun : 0.35
Jumlah bayaran : RM 325.00

Rajah 14

Berdasarkan Rajah 14, lukis carta alir untuk penyelesaian atur cara.

[10 Markah]

**Sumber: Soalan Percubaan Negeri Kedah 2019.*



3. Rajah 11 menunjukkan antaramuka sistem yang dibina untuk menentukan sama ada seseorang murid layak menerima bantuan awal persekolahan atau tidak. Pengguna hanya perlu memasukkan nombor kad pengenalan dan jumlah pendapatan keluarga. Murid dikira layak menerima bantuan sekiranya pendapatan keluarga kurang atau sama dengan RM 3000

SISTEM PENENTUAN KELAYAKAN BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

KAD PENGENALAN :

020603067221

JUMLAH PENDAPATAN:

2500

KEPUTUSAN :

SEMULA

HANTAR

ANDA LAYAK MENERIMA BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN

Rajah 11

Berdasarkan Rajah 11,

- (a) Bina carta Input-Proses-output (IPO) bagi situasi tersebut.

(3 markah)

(b) Tulis pseudokod bagi menunjukkan penyelesaian masalah dalam situasi diberi



(5 markah)

(c) Nyatakan struktur kawalan yang digunakan dalam penyelesaian masalah tersebut.
Justifikasikan jawapan anda.

.....

.....

.....

(2 markah)

Sumber: Soalan Percubaan Negeri Pahang 2019

4.

Jadual 2 menunjukkan harga tiket wayang yang dikenakan kepada pelanggan berdasarkan umur. Harga tiket adalah seperti berikut:

Umur	Harga Tiket
Bawah usia 3 tahun	Percuma
Bawah usia 13 tahun	RM10
Lain-lain usia	RM15

Jadual 2

Atur cara yang dibangunkan akan sentiasa berfungsi sehinggalah nombor 0 (sifar) dimasukkan menandakan anda hendak keluar dari atur cara.

Contoh output atur cara adalah seperti berikut:

Taipkan 0 jika ingin keluar dari atur cara
Masukkan umur anda: 2
Harga Tiket anda adalah Percuma!

Taipkan 0 jika ingin keluar dari atur cara
Masukkan umur anda: 5
Harga Tiket anda adalah RM10.

Taipkan 0 jika ingin keluar dari atur cara
Masukkan umur anda: 27
Harga Tiket anda adalah RM15.

Taipkan 0 jika ingin keluar dari atur cara
Masukkan umur anda: 0

Rajah 11

Berdasarkan Jadual 2 dan Rajah 11, lukiskan carta alir atur acara

tersebut.

[10 markah]

5. Diberikan kod atur cara yang berikut.

```
package perisianSaya ;
public class MyClass {
    public static void main (String [] args) {
        String [] senaraiNama = new String [ 4 ];
        senaraiNama [ 0 ] = "Adam";
        senaraiNama [ 1 ] = "Alia";
        senaraiNama [ 2 ] = "Wong";
        senaraiNama [ 3 ] = "Devi";

        int [] senaraiUmur = { 16, 17, 16, 17 };

        double [] senaraiTinggi = { 182.1, 172.5, 173.2, 175.0 };
        System.out.println ("NAMA\tUMUR\tTINGGI (cm) ");
        for (int i = 0 ; i < 4; i ++){
            System.out.print (senaraiNama [ i ] + "\t");
            System.out.print (senaraiUmur [ i ] + "\t");
            System.out.print (senaraiTinggi [ i ] );
            System.out.println ( );
        }
    }
}
```

Rajah 7

a) Senaraikan tiga pemboleh ubah tatasusunan dalam atur cara di atas.

[3 markah]

b) Tulis elemen bagi kod berikut :

i. senaraiNama [2]

ii. senaraiUmur [1]

iii. senaraiTinggi [3]

[3 markah]

c) Tentukan output bagi atur cara di atas.

[4 markah]

SAINS KOMPUTER TINGKATAN 4
BAB 1 - PENGATURCARAAN
KOLEKSI SOALAN PERCUBAAN TAHUN 2020

BAHAGIAN A

1. Pernyataan 1 menerangkan proses penyelesaian masalah dalam aturcara.

Pernyataan 1

Berdasarkan pernyataan 1, nyatakan nama proses tersebut.

.....

[1 markah]

SUMBER : percubaan SPM 2020, S1 Bintulu

2. Nyatakan **tiga** ciri penting yang digunakan bagi penyelesaian sesuatu masalah.

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

SUMBER : percubaan SPM 2020, S3 Bintulu

3. Berikut merupakan operator logikal yang digunakan dalam pernyataan *if-else*.

```
public class markah_matematik {  
    public static void main (String [] args){  
        int markah=55;  
        if (markah>=0 && markah <=100)  
            System.out.println ("Markah yang dimasukkan adalah sah.");  
        else  
            System.out.println("Markah yang dimasukkan adalah tidak sah.")  
        }  
    }
```

Nyatakan **dua** operator logikal selain daripada yang terdapat pada barisan aturcara tersebut.

- (i)
- (ii) [2 markah]

[SUMBER : percubaan SPM 2020, S4 Bintulu]

4. Rajah 1 berikut memaparkan satu aturcara dan ouput yang terhasil.

<pre> public class luasA { public static void main(String[] args) { int tapak = 6; int tinggi = x; double luas; luas = (1.0/2)* tapak * tinggi; System.out.println("Luas ialah :"+ luas); } } </pre>	<pre> Main.java:1: error: class luasA is public, should be declared in a file named luasA.java public class luasA { ^ Main.java:4: error: cannot find symbol int tinggi = x; ^ symbol: variable x location: class luasA 2 errors compiler exit status 1 ^C </pre>
--	---

Rajah 1

(a) Nyatakan jenis ralat yang terdapat pada aturcara tersebut.

.....

[1 markah]

(b) Berikan **dua** faktor berlakunya ralat pada (a).

(i)

(ii)

[2 markah]

5. Berikut merupakan aturcara yang menghasilkan jumlah dua nombor.


```
static void JumlahNombor ( int A, int B)
{
    int jawapan = A + B;
    System.out.print (jawapan);
}
```

Nyatakan,

- (a) jenis subatur cara yang digunakan[1 markah]
- (b) sintaks panggilan[1 markah]

[SUMBER : percubaan SPM 2020, S6 dan S8 Bintulu]

6. Rajah 2 yang berikut merupakan contoh aturcara yang mempunyai ralat logik disebabkan oleh salah penggunaan jenis data.



Rajah 2

Nyatakan jenis data yang sesuai digunakan.[1 markah]

[SUMBER : percubaan SPM 2020, S9 Bintulu]

7. Jadual 1 menunjukkan syarat boolean perlu dipenuhi bagi suatu atur cara. Jika terdapat salah satu syarat boolean yang PALSU, maka keputusan adalah PALSU.

markah ≥ 0	markah ≤ 10	markah ≥ 0 Y markah ≤ 10
PALSU	PALSU	PALSU
PALSU	BENAR	PALSU
BENAR	PALSU	PALSU
BENAR	BENAR	BENAR

Jadual 1

Nyatakan

- (i) operator yang digunakan.

.....[1 markah]

- (ii) simbol operator bagi Y.


.....[1 markah]

- (iii) operator lain selain pada jadual 1.

.....[1 markah]

[SUMBER : percubaan SPM 2020, S12 Bintulu]

8. Rajah 4 merupakan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) yang menggunakan Model Air Terjun.



Rajah 4

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, namakan setiap fasa berikut.

Fasa 3

.....

[1 markah]

Fasa 4

.....


[1 markah]

[SUMBER : percubaan SPM 2020, S16 Bintulu]

1. Nyatakan satu keperluan penggunaan strategi dalam penyelesaian masalah.

_____ [1 markah]

2. Berdasarkan Rajah 1 lengkapkan proses penyelesaian masalah berikut.



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan

- a. (a) X : _____
b. _____
c. (b) Y _____

[2 markah]


3. Aiman Hakimi adalah anak kepada pemilik Restoran Bee Rich Muar. Dia telah diarah oleh ayahnya untuk membina sistem untuk mengira jumlah keuntungan untuk setiap 4 minggu dan juga komisen yang akan diperoleh oleh setiap pekerja iaitu sebanyak 5% daripada hasil keuntungan tersebut. Rajah 2 merupakan lakaran antara muka yang telah dibina.

Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, tuliskan **pseudokod** bagi sistem tersebut.

[3 markah]

4. Rajah 4 dibawah menunjukkan aturcara bermodular untuk mengira dua harga selepas diskaun.



```
File Edit Tools Project Language Level Help
New Open Save Close Cut Copy Paste

1: public class kiradiskaum {
2:     static double cariharga(double h1, double h2){
3:         double diskaun = 0.1 * (h1 + h2);
4:         double bayar = (h1 + h2) - diskaun;
5:         return bayar;
6:     }
7:     public static void main(String[] args){
8:         double hargal = 57.90;
9:         double harga2 = 10.40;
10:        double diskaun = 0.1 * (hargal+harga2);
11:        double jumlah = (hargal + harga2) - diskaun;
12:
13:        System.out.println(jumlah);
14:        System.out.println(cariharga(57.90,10.40));
15:    }
16: }
```

Kenalpasti pembolehubah setempat dan sejagat dengan melabel huruf A atau B di ruangan jawapan.

i. pembolehubah sejagat : _____

ii. pembolehubah setempat : _____

[2 markah]

5. Berdasarkan kepada Rajah 5 di bawah, lengkapkan baris algoritma yang bertanda X dan Z kepada kod aturcara yang sempurna.

Algoritma	Kod aturcara (Java)
Mula	Public static void main (String[] args) {
PAPAR “Nama anda:”	System.out.print(“Sila masukkan nama anda: ”);
INPUT nama	X
PAPAR “Selamat pagi”, nama, “!”	Z
Tamat	}

Rajah 5

X : _____

Z : _____

[4 markah]

BAHAGIAN B;

6. Penyataan berikut adalah berkaitan dengan suatu pembangunan aturcara.

Koperasi SMK Tun Perak, Muar akan mengadakan jualan promosi sempena cuti sekolah bagi penghabisan stok. Diskaun yang akan diberi adalah sebanyak 30% daripada jumlah harga belian. Diskaun hanya diberikan jika jumlah harga belian RM30.00 bagi setiap pembelian.

Formula pengiraan bagi harga selepas diskaun adalah seperti berikut:

$$\text{harga_diskaun} = 30/100 * \text{harga_belian}$$

$$\text{harga_selepas_diskaun} = \text{harga_belian} - \text{harga_diskaun}$$

- a. Senaraikan semua pemboleh ubah dan pemalar

Pemboleh Ubah	Pemalar

[4 Markah]

- b. Nyatakan jenis data yang terdapat dalam pembangunan aturcara ini

[2 Markah]

- c. Lengkapkan jadual berikut bagi menunjukkan harga dan diskaun yang akan diperolehi.

Harga Belian	Harga Diskaun
RM 16.90	
	RM 27

[2 Markah]

- d. Lukiskan carta alir bagi sistem ini yang melibatkan proses pengiraan dan memaparkan harga yang perlu dibayar.

[SUMBER : PERCUBAAN SPM 2020 NEGERI SEMBILAN]

Bahagian A

1. Jadual 1 menunjukkan pernyataan berkaitan teknik pemikiran komputasional **P**, **Q** dan **R**.

Menghasilkan ciri-ciri umum yang spesifik bagi setiap bahagian masalah untuk dijadikan model rujukan	Set arahan yang mudah difahami dan susunan pelaksanaannya akan dilakukan seperti yang dirancang.	Membahagikan masalah kepada bahagian yang lebih kecil dan terkawal untuk memahami cara penyelesaiannya.
--	--	---

P

Q

R

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, nyatakan:

- (a) **P** :
 (b) **Q** :
 (c) **R** :

[3 markah]

2. Carta Gantt merupakan jadual perancangan yang dapat melihat perkembangan semasa projek. Nyatakan kepentingan Carta Gantt.

..... [1 markah]

3. Jenis data dapat dijelaskan berdasarkan Pernyataan **A** dalam Jadual 2. Nyatakan jenis data **X**, **Y** dan **Z**.


Pernyataan A	Jenis Data
Merangkumi semua nombor yang tidak mempunyai nilai pecahan atau perpuluhan.	X
Terdiri seperti teks, perkataan atau nilai yang mengandungi susunan aksara.	Y
Data dalam bentuk pilihan iaitu memilih salah satu daripada sesuatu yang <i>benar</i> atau <i>palsu</i> .	Z

Jadual 2

- (a) **X** :
 (b) **Y** :
 (c) **Z** : [3 markah]

4. Carta alir yang belum lengkap dalam Rajah 2 digunakan untuk mengira purata bagi lima markah yang dimasukkan.

(a) Lengkapkan carta alir dalam Rajah 2 dengan melukis simbol dan arah aliran proses carta alir tersebut. [3 markah]



Rajah 2

(b) Berdasarkan Rajah 2, lengkapkan segmen kod atur cara dalam Rajah 3.

```
for ( int ... (i) .....; ... (ii) .....; ... (iii) ..... )
```

Rajah 3

Jawapan:

- (i)
- (ii)
- (iii)

[1 markah]

5. Rajah 4 menunjukkan satu contoh segmen kod atur cara bagi pengisytiharan pemboleh ubah.

```
int kuantiti_barang;
```

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4, berikan dua sebab mengapa pemilihan jenis data kuantiti_barang penting dalam penulisan atur cara tersebut.

.....
.....

[2 markah]

6. Rajah 5 menunjukkan kod atur cara bagi mengira purata markah kuiz.

```
1 public class KiraPurata {  
2     public static void main(String[] args) {  
3         double purata=Markah(71, 41, 31, 51);  
4         paparPurata(purata);  
5     }  
6     public static double Markah(int kuiz1, int kuiz2, int kuiz3, int kuiz4){  
7         double purata = (kuiz1+ kuiz2 + kuiz3 + kuiz4)/4;  
8         return purata;  
9     }  
10    public static void paparPurata(double purata){  
11        System.out.println("Purata markah ialah: "+purata);  
12    }  
13 }
```

Rajah 5

- (a) Tuliskan nombor baris kod atur cara yang menunjukkan penggunaan fungsi dan prosedur.
[2 markah]

Fungsi	Prosedur
Baris dari nombor hingga	Baris dari nombor hingga

- (b) Tulis satu segmen kod subatur cara yang dapat mengira jumlah bagi empat markah kuiz. Segmen kod sub atur cara ini berada dalam fungsi yang dinamakan sebagai cariJumlah.

[2 markah]

7. Rajah 6 menunjukkan sebuah atur cara bagi mengira jumlah harga barang yang dibeli.

<pre> import java.util.Scanner; public class KiraBarang { public static void main(String[] args) { Scanner input = new Scanner (System.in); //teks pertanyaan dan input System.out.println("Nama anda: "); String nama = input.next(); System.out.println("Bilangan yang dibeli: "); (i) System.out.println("Harga satu unit: RM "); double harga = input.nextDouble(); //pengiraan jumlah bayaran double bayaran = harga * bilangan; //paparan output System.out.println("### PEMBAYARAN ###"); System.out.println("Nama: "+nama); System.out.println("Bilangan: "+bilangan); (ii) } } </pre>	Contoh Output: Nama anda : Zainab Bilangan yang dibeli: 3 Harga satu unit: RM 1.50 ### PEMBAYARAN ### Nama: Zainab Bilangan: 3 Jumlah perlu dibayar: RM 4.5
---	---

Rajah 6

Berdasarkan Rajah 6,

- (a) lengkapkan atur cara tersebut dengan menulis
 (i) kod atur cara untuk menerima input bilangan barang yang dibeli

..... [1 markah]

- (ii) kod atur cara untuk memaparkan jumlah yang perlu dibayar

..... [1 markah]

- (b) senaraikan semua pemboleh ubah yang terdapat dalam atur cara

.....
 [2 markah]

8 Rajah 7 menunjukkan perbezaan antara jenis ralat dalam aturcara.

Ralat M	Ralat N
• Penggunaan simbol dan tatatanda yang salah • Ejaan sintaks yang tidak betul	• Pembahagian dengan sifar • Mengakses fail yang tidak wujud

Rajah 7

Berdasarkan Rajah 7, namakan

a) M :

b) N :

[2 markah]

9 Seorang pengaturcara perlu mempraktikkan amalan-amalan yang biasa diikuti semasa menghasilkan atur cara.

(a) Nyatakan salah satu daripada amalan tersebut.

.....

(b) Jelaskan kepentingan bagi mengamalkan jawapan (a).

.....

.....

[2 markah]

Bahagian B

1 Rajah 18 menunjukkan pseudokod untuk mereka bentuk penyelesaian bagi menyatakan maklum balas terhadap markah yang dimasukkan.

Berdasarkan Rajah 18,

(a) Apakah output yang dipaparkan sekiranya pengguna masukkan nilai markah 70?

.....[1 *markah*]

(b) Nyatakan jenis data yang diwakili oleh pemboleh ubah markah.

.....[1 *markah*]

(c) Lukis carta alir [8 *markah*]

1. Rajah 1 menunjukkan satu simbol yang sering digunakan dalam carta alir.



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan nama nod tersebut.

..... [1 markah]

2. Algoritma berikut menerima satu nombor dan memaparkan hasil seperti Jadual di bawah.

Algoritma:
1. Mula
2. Input q
3. Hasil = $q * p$
4. PaparHasil
5. Tamat

No	q	Hasil	I/O
1	-	-	-
2	q	-	-
3	63	$63 * p$	-
4	63	126	126
5	-	-	-


- i) Nyatakan nilai **q**. [1 markah]
 ii) Nyatakan nilai **p**..... [1 markah]

3. Rajah 2 menunjukkan segmen kod Bahasa Pengaturcaraan Java untuk memaparkan tempatperjumpaan mengikut kod kumpulan yang dimasukkan.

```
import java.util.Scanner;
public class perjumpaan {
    public static void main (String [] args) {
        Scanner input = new Scanner (System.in);
        System.out.println ("Masukkan kod kumpulan anda samada 01 atau 02");
        int kumpulan = input.nextInt ();
        switch (kumpulan){
            case 01: {
                System.out.println("Perjumpaan akan diadakan di Dewan");
                break;
            }
            case 02: {
                System.out.println("Perjumpaan akan diadakan di Padang");
                break;
            }
            default: {
                System.out.println("Kod yang dimasukkan tidak seperti yang disenaraikan");
            }
        }
    }
}
```


Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, lengkapkan carta alir di bawah.



[4 markah]

4. Berikut merupakan struktur kawalan ulangan



Rajah 3

a) Nyatakan berapa kali lelaran(*iteration*) berlaku?

..... [1markah]

b) Apakah output bagi aturcara berikut?

..... [1markah]

5. Rajah 4 menunjukkan subatur cara Fungsi. Berdasarkan Rajah 4

<pre>public class Faedahkompaun { public static void main (String[] args){ System.out.println("Faedah Mudah : RM " +faedahMudah(5000.00,3.5,5)); } public static double faedahMudah(double principal,double kadar,int tahun){ faedahMudah=principal*kadar*tahun; return faedahMudah; } }</pre>	A
<pre> public static double faedahMudah(double principal,double kadar,int tahun){ faedahMudah=principal*kadar*tahun; return faedahMudah; } }</pre>	B

i) Tuliskan A atau B bagi subatur cara :

(a) Pemanggil : [1markah]

(b) Dipanggil : [1markah]


i) Nyatakan

(a) Parameter : [1markah]

(b) Persamaan subatur cara Prosedur dan Fungsi:

..... [1markah]

1. Rajah 1 menunjukkan dua perwakilan algoritma;



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, namakan perwakilan:

X :

Y :

[2 markah]

2. Berikut adalah segmen aturcara.

```
public class PaparGaji {  
    public static void main(String args[]) {  
        Scanner input = new Scanner(System.in);  
        System.out.println("Masukkan Gaji: ");  
        double gaji= input.nextDouble();  
        System.out.println("Gaji anda ialah " + __X__);  
    }  
}
```

Nyatakan;

i) Jenis data :

ii) X :

3. Berikut adalah segmen kod aturcara menggunakan struktur kawalan ulangan yang tidak lengkap. Paparan yang akan dihasilkan adalah "hai1hai2hai3hai4".

Lengkapkan segmen kod itu dengan menulis simbol operator yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

```
<?php
$x____1;
while($x____5){
echo"hai".$x;
$x____;
}
?>
```

[3markah]

4. Berikut menunjukkan kod aturcara bagi mengira purata markah.


```
public class Markah {
public static void main(String[] args) {
    Markah(97,73,80,66);
}

    static void Markah(int a, int b, int c, int d){
        double PurataMarkah = (a + b + c + d)/4;
        System.out.println("Purata ialah " + PurataMarkah);
    }
}
```

Nyatakan jenis ralat.

..... [1 markah]

5. Rajah 2 menunjukkan Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC).



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2,

i) Nyatakan :

A :

B :

[2 markah]

ii) Berikan satu contoh Bahasa pengaturcaraan yang digunakan dalam A.

.....


[1 markah]

iii) Nyatakan kaedah yang digunakan untuk membina penyelesaian terbaik semasa fasa Rekabentuk Penyelesaian.

.....

[1 markah]

1. Rajah 1 di bawah menunjukkan teknik pemikiran komputasional dalam menyelesaikan masalah.




Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, apakah teknik pemikiran komputasional di atas?

.....

[1 markah]

2. Rajah 2 menunjukkan Proses Penyelesaian dalam sesuatu Masalah.



3. Pernyataan 1 di bawah tentang laungan kemerdekaan

*"Setiap tahun, sekolah di Daerah Pasir Gudang akan melaksanakan Sambutan Hari Guru. Pada program tersebut semua murid melaungkan perkataan "**Kami Sayang Cikgu**" sebanyak 7 kali."*

Pernyataan 1

[3 markah]

4. Rajah 3 di bawah menunjukkan segmen atur cara.

```
Int nombor1= 16;  
Int nombor2= X;  
Int hasil;  
hasil= nombor1/nombor2;
```

Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3;

(a) Nyatakan nilai bagi **X** yang sesuai sekiranya outputnya ialah 8.

5 Nyatakan jenis pemboleh ubah berdasarkan ciri-ciri yang diberikan.

Ciri-Ciri Pemboleh ubah	Jenis Pemboleh ubah
Pemboleh ubah dicapai hanya dengan pernyataan, di dalam suatu fungsi di mana ia diisytiharkan.	
Dicapai oleh mana-mana pernyataan dalam keseluruhan program	

[2 markah]

6 Rajah 4 merupakan kod atur cara pengiraan luas segi tiga.

```
public class luasSegiTiga2
{
    public static void main(String[] args)
    {
        int panjang = 6; int tinggi = 4;
        double luas = panjang * tinggi;
        System.out.println("Luas segi empat sama : " + luas);
    }
}
```

Rajah 4

Berdasarkan Rajah 4 di atas,

(a) Berapakah bilangan pemboleh ubah?

.....[1 markah]

(b) Tuliskan semua pemboleh ubah di (a)

.....[1 markah]

(c) Nyatakan output bagi atur cara di atas.

[2markah]

4 Jadual 3 menunjukkan harga tiket wayang yang dikenakan kepada pelanggan berdasarkan umur. Harga tiket adalah seperti berikut:

Umur	Harga Tiket
Bawah usia 3 tahun	Percuma
Bawah usia 13 tahun	RM10
Lain-lain usia	RM15

Jadual 3

Atur cara program yang dibangunkan akan sentiasa berfungsi sehinggalah huruf **q** dimasukkan menandakan anda telah keluar dari atur cara. Contoh output atur cara adalah seperti berikut:

Masukkan umur anda Taip q jika ingin keluar dari atur cara : 2 Harga Tiket anda adalah Percuma ! Masukkan umur anda Taip q jika ingin keluar dari atur cara : 5 Harga Tiket anda adalah RM10. Masukkan umur anda Taip q jika ingin keluar dari atur cara : 27 Harga Tiket anda adalah RM15. Masukkan umur anda Taip q jika ingin keluar dari atur cara : q	X
---	----------


Rajah 18

(a) Nyatakan jenis data yang terdapat pada Jadual 3.

.....
 [2 markah]

(b) Tuliskan skrip kod atur cara untuk pengisytiharan, permulaan dan penetapan nilai pada pemboleh ubah dan pemalar bagi kotak **X** dalam Rajah 18.

(c) Berdasarkan Jadual 3 dan Rajah 18, lukiskan carta alir atur cara tersebut.



[10 markah]

SUMBER : PERCUBAAN NEGERI PERLIS 2020

1. Rajah 1 di menunjukkan keperluan penyelesaian masalah berstrategi.



Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, nyatakan:

Y :

[1 markah]

2. Berikut adalah pernyataan mengenai perwakilan bagi algoritma.

Senarai struktur kawalan komputer yang ditulis dalam bahasa pertuturan manusia dan mempunyai nombor turutan.

- (a) Nyatakan perwakilan bagi algoritma itu.

.....


[1 markah]

- (b) Nyatakan perwakilan bagi algoritma selain yang dinyatakan di (a).

.....

[1 markah]

3. Rajah 2 menunjukkan carta alir bagi memaparkan nilai i.



Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, nyatakan output yang terhasil.

.....

[1 markah]

4. Jadual 1 menunjukkan jenis data dan contoh-contohnya.

Jenis data	Contoh
float	Harga_seunit, luas_bulatan
X	nama, alamat
Y	Bilangan_hari, bil_murid

Jadual 1

Berdasarkan Jadual 1, nyatakan:

X :

Y :

[2 markah]

5. Berikut adalah aturan cara menggunakan bahasa pengaturcaraan Java.

```
/* Langkah 1: Baca nombor1 dan nombor2

// Langkah 2: Hitung hasil tambah nombor1 + nombor2
// Langkah 3: Papar hasil */

//Program Mengira Hasil Tambah Dua nombor1
public class Tambah_Dua_Nombor {

    public static void main (String[] args) {

        //Pengisytiharan input
        int nombor1 = 35;

        int nombor2 = 25;
        //Pengisytiharan output
        double hasil;

        //Proses menambah nombor1 + nombor2;
        hasil = nombor1 + nombor2;

        //Output yang akan dipaparkan
        System.out.println("Hasil tolak ialah " + hasil);

    }
}
```

Nyatakan **dua** amalan terbaik pengaturcaraan yang digunakan dalam aturan cara itu. (i)

.....

(ii)

[2 markah]

6. Berikut adalah segmen kod atur cara.

```
String y;  
mintaNama();  
System.out.print(y);
```

Tuliskan atur cara fungsi yang betul berdasarkan atur cara itu.

.....

.....

.....

[2 markah]

SUMBER : PERCUBAAN PAHANG (KUANTAN) , 2020.

1. Rajah 1 menunjukkan kod atur cara yang mengandungi ralat

Situasi	Jenis Ralat
(b) Pengatur cara menulis kod berikut bagi mengira luas sebuah bulatan: $luas_bulatan = 2 * 3.142 * jejari;$	
(b) Pengatur cara menulis kod berikut bagi meminta pengguna memasukkan nama mereka. $Int\ nama = input.nextInt();$	

Rajah 1

Nyatakan jenis ralat bagi situasi (a) dan (b).

[2 markah]

2. Rajah 2 memaparkan segmen atur cara pengiraan luas segitiga yang mempunyai ralat.

```
int Tapak = x ;  
int Tinggi = 4 ;  
double Luas ;  
    Luas = (1/2) * Tapak * Tinggi ;  
System.out.println (" Luas = " + LuasSegitiga) ;
```

Rajah 2

(a) Kenalpasti kod atur cara yang mempunyai ralat.

..... [1 markah]

(b) Namakan jenis ralat dalam (a).


..... [1 markah]

3. Isi tempat kosong bagi pernyataan berikut:

Antara ciri-ciri pemboleh ubah setempat adalah..... dilakukan
di dalam fungsi dan tidak boleh diakses fungsi.

[2 markah]

4. Rajah 3 menunjukkan satu set aturan



Rajah 3

Padankan proses berikut dengan dengan sintaks A, B atau C

(a) Pengisytiharan integer	
(b) Pengisytiharan dan penetapan nilai	
(c) Pengisytiharan dan penetapan nilai pemalar	

[3 markah]

5. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Antara kaedah yang boleh digunakan untuk menilai sesuatu produk interaktif seperti kaedah

....., pemerhatian, soal selidik, perbincangan ahli kumpulan, refleksi

dan sebagainya.

[1 markah]

SUMBER : PERCUBAAN BENTONG 2020 (set 1 & 2) .

1. Rajah 1 menunjukkan proses dalam menyelesaikan masalah.

Cik Lisa mencari maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Maklumat tersebut dikumpul bagi memudahkan proses penyelesaian masalah.	X
Pn. Janet ditugaskan membuat pilihan bagi penyelesaian masalah. Pilihan terbaik melibatkan kos, sumber dan juga masa.	Y
En. Ali berbincang bersama pekerjaanya dan membuat senarai beberapa idea yang difikirkan boleh menyelesaikan masalah.	Z

Rajah 1

Berdasarkan Rajah 1, padankan X, Y atau Z bagi soalan di bawah:

- i) Mengumpulkan data :
- ii) Menjana idea :
- iii) Menentukan tindakan :

[3 markah]

2. Rajah 2 menunjukkan kod atur cara bagi Struktur Kawalan Pilihan If-Else.

```
Public class Mengundi {  
    Public static void main (string [ ] arg) {  
        int umur = n;  
        if (umur > 20) {  
            system.out.println("Anda layak mengundi.");  
        }  
        else {  
            system.out.println("Maaf, anda masih belum layak mengundi.");  
        }  
    }  
}
```

Rajah 2

Berdasarkan Rajah 2, nyatakan output jika nilai

- i) n = 60
- ii) n = 20

[2 markah]

3. Rajah 3 menunjukkan algoritma untuk mengira dan memaparkan wang baki apabila menerima input harga barang dan wang bayaran. Setelah dilaksanakan, didapati output sebenar tidak sama dengan output dijangka apabila nilai input uji dimasukkan sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 1.

```
1. Mula
2. INPUT x = harga barang
3. INPUT y = wang bayaran
4. baki = x - y
5. PAPAR "baki ialah RM " + baki
6. Tamat
```

Rajah 3

Input uji	Output dijangka	Output sebenar
x = RM20 y = RM50	baki ialah RM30	baki ialah RM -30

Jadual 1

Berdasarkan Rajah 3, nyatakan baris algoritma yang salah dan tulis semula supaya output sebenar sama dengan output dijangka.

[2 markah]

4. Rajah 4 menunjukkan kod aturcara Java

```
1. public class contoh36 {
2.     public static void main(String [] args) {
3.         for(int i=1;i<=10; i+=1)
4.         {
5.             System.out.print(i+" ");
6.         }
7.     } }
```

Rajah 4

- i) Apakah jenis struktur kawalan yang digunakan

- ii) Tuliskan output yang akan dipaparkan

[2 markah]

5. Rajah 5 menunjukkan salah satu ralat yang terdapat dalam atur cara.

```
1 public class contoh36 {
2     public static void main(String[] args) {
3         for(int i=1; i<=10; i+=1)
4             {System.out.print(i+" ");}
5         int X = 34-34;
6         int Y = 150/X;
7         System.out.println("Hasil : "+Y);
8     }
9 }
10
```

Output - pembilang (run)

```
run:
Exception in thread "main" java.lang.ArithmeticException: / by zero
1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 at contoh36.main(contoh36.java:7)
Java Result: 1
BUILD SUCCESSFUL (total time: 0 seconds)
```

Rajah 5

i) Apakah jenis ralat yang terdapat dalam aturcara tersebut?

[1 markah]

ii) Nyatakan baris yang terdapat ralat tersebut dan Jelaskan mengapa ralat tersebut muncul?

[2 markah]

6. Lengkapkan pernyataan di bawah tentang jenis subatur cara.

i)digunakan bagi mengembalikan data dan jenis data pulangan dalam sintaks seperti *int* atau *double*.

ii)digunakan untuk paparan dan tidak mengembalikan data.

[2 markah]

7. “Antara muka pengguna membolehkan pengguna berinteraksi dengan sistem seperti komputer dan telefon pintar. Ciri utama yang ditawarkan ialah ikon-ikon dan penunjuk-penunjuk yang bersifat visual. Pengguna boleh melakukan tindakan dengan memanipulasikan atau mengolah unsur-unsur grafik ini”.

Penyataan ini merujuk kepada;


.....
[1 markah]

8. Rajah 5 menunjukkan kod atur cara dengan menggunakan tatasusunan.

```
Class tatasusunan {  
    Public static void main (String[] args) {  
        String [] bulan = {januari, februari, mac, april, mei, jun} ;  
    }  
}
```

Rajah 5

Berdasarkan Rajah 5, lukiskan rajah blok yang di simpan dalam memori komputer dengan memasukkan nama tatasusunan, indeks dan elemen.



[3 markah]

9. Rajah 6 menunjukkan kod atur cara untuk mengira luas segitiga.

```
import java.util.Scanner;
class AreaTriangleDemo {
    public static void main(String args[] ) {
        Scanner scanner = new Scanner(System.in);

        System.out.println(Masukkan Tinggi);
        double tinggi = scanner.nextDouble();

        System.out.println("Masukkan Tapak :");
        double tapak = scanner.nextDouble();

        double luas = (tapak* tinggi) * 2;
        System.out.println("Luas segitiga: " + luas);
    }
}
```

Rajah 6

Kod atur cara telah dikenal pasti mempunyai beberapa ralat semasa komputer melaksanakannya.

- (a) Nyatakan dua jenis ralat yang terdapat dalam kod atur cara.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Tulis semula setiap baris ralat yang telah dibaiki


.....

.....

.....

[2 markah]

10. Rajah 7 menunjukkan proses untuk mendapatkan paparan skrin produk interaktif yang baik.



Rajah 7

Namakan proses dalam Rajah 7,

(i) X :

(ii) Y:

[2 markah]

- 11 Situasi berikut melibatkan analisis masalah dalam membangunkan sebuah sistem.

“ Ahmad adalah pelajar Sains Komputer di SMK ABC. Ahmad ingin membangunkan atur cara peminjaman dan pemulangan buku perpustakaan di sekolahnya. Atur cara juga menyatakan jumlah denda yang dikenakan sekiranya peminjam lambat memulangkan buku ”

Berdasarkan situasi yang diberi, nyatakan jenis data yang sesuai untuk:

(a) Nama peminjam :

(b) Bilangan buku yang dipinjam :

(c) Bayaran denda yang dikenakan:

[3 markah]

TINGKATAN 4

BAB 2 : PANGKALAN DATA

2.1 Pangkalan Data Hubungan

2.2 Reka Bentuk Pangkalan Data Hubungan



SAINS KOMPUTER TINGKATAN 4
BAB 2 – PANGKALAN DATA
KOLEKSI SOALAN PERCUBAAN TAHUN 2019

KEDAH

BAHAGIAN A

1. Berikut adalah jadual berkenaan jenis kebergantungan fungsi dalam pangkalan data.

Kebergantungan fungsi sepenuh	X
Kebergantungan fungsi separa	Y
Kebergantungan fungsi transitif	Z

Pilih huruf X, Y atau Z untuk pernyataan di bawah.

i	Berlaku apabila atribut-atribut bergantung kepada salah satu daripada atribut kunci dalam jadual.	
ii	Berlaku apabila atribut-atribut bergantung sepenuhnya kepada kesemua atribut kunci dalam jadual.	


[2 Markah]

2.

KERETA, MOTOSIKAL, BASIKAL, VAN, BAS

Rajah 9

Rajah 9 menunjukkan sampel data. Legkapkan rajah hubungan di bawah.



Nyatakan

- i. X = _____
- ii. Y = _____

[2 markah]

BAHAGIAN B

2. Anda ditugaskan untuk membina sistem pangkalan data untuk sebuah syarikat yang menjual peralatan komputer iaitu Syarikat CompuMedia Sdn.Bhd. Sistem ini dapat merekod maklumat inventori semasa di syarikat berkenaan dan mampu membantu syarikat mencapai dan menyimpan data inventori pelbagai jenis peralatan komputer dengan cepat dan pantas.

Berikut ialah sebahagian senarai inventori yang tersimpan didalam stok semasa.

Kategori	ID Pembekal	Pembekal	Tarikh bekalan	ID Item	Item	Harga Seunit (RM)	Kuantiti
Rangkaian	KRT	KRT Solutions	16.5.2019	134	TP link Wireless Adapter	45.00	20
	CE	COMPUTIZE D EMPIRE	10.6.2019	137	Prolink CAT 6 UTP cable	220.00	5
Storan	KRT	KRT Solutions	14.5.2019	332	SSD Scandisk 250 GB	150.00	120
	MT	Micro Tech	1.7.2019	331	Office 2016 Home	310.00	10
Perisian	MT	Micro Tech	5.7.2019	234	DDR 3 Scandisk	120.00	50

Lukiskan gambarajah perhubungan entiti (ERD).Tunjukkan

- Nama dua entiti.
- Namakan hubungan diantara dua entiti.
- Atribut – atribut bagi setiap entiti.
- Kunci primer.
- Kekardinalan dan berikan justifikasinya.

[15 markah]

4. Baca situasi di bawah dan jawab soalan – soalan berikutnya.

En. Othman ingin menghasilkan satu perisian untuk menyimpan maklumat berkaitan rumah sukan Delima. Sistem ini akan menyimpan maklumat ahli rumah sukan Delima dan juga acara yang disertai oleh beberapa orang murid.

a) Sebelum menghasilkan pangkalan data untuk sistem tersebut, Encik Othman perlu mereka bentuk Rajah Hubungan Entiti (ERD) dan membuat penormalan terhadap ERD tersebut .

Jelaskan 2 tujuan proses penormalan dilakukan.

- i. _____

- ii. _____

[2 markah]

b)

MURID (idMurid<KP>, nama, tingkatan, kelas, jantina, noTel)

ACARA (noAcara<KP>, namaAcara, kategori)

ACARAMURID(idMurid<KP><KA>, noAcara<KP><KA>, Tarikh, pencapaian)

